

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Dr M saran tak perlu  
terburu-buru  
adakan pilihan raya

**P**UTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Datuk Seri Najib Razak tidak perlu terburu-buru untuk mengadakan pilihan raya umum akan datang kerana masih ada banyak masa untuk beliau memilih dengan teliti calon sesuai yang boleh memberi kemenangan kepada Barisan Nasional (BN).

"Lewat sikit pun tidak apa (mengadakan pilihan raya umum), perlu memberi masa pada beliau untuk membuat penilaian siapa calon, kalau tergopoh-gopoh, mungkin penilaian calon yang tidak tepat dan terpilih calon kurang baik.

"Ada yang menganggap mereka layak terpilih (sebagai calon) dan apabila tidak terpilih mereka berusaha untuk pastikan calon terpilih itu kalah bagi membuktikan bahawa pilihan kepemimpinan parti bukan calon yang boleh menang.

"Ini akan mendatangkan masalah kalau tidak diatasi melainkan ada kesetiaan kepada parti dan pemimpin. Apabila diumumkan calon, maka yang lain perlu memberi sokongan penuh kerana hanya apabila parti menang dan dapat menubuhkan kerajaan, barulah nikmat dapat dirasakan semua pihak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan daripada panel pada sesi rakaman *Program Bicara Negarawan* bersama Tun Dr Mahathir Mohamad yang akan disiarkan RTM tidak lama lagi.

Ditanya mengenai kenyataan pembangkang yang mendakwa pengganas komunis sebagai pejuang kemerdekaan, Dr Mahathir berkata ia sengaja ditimbulkan semata mata untuk mendapat sokongan pada pilihan raya akan datang dengan memburukkan pemimpin UMNO yang berjuang untuk memberi kemerdekaan kepada negara.